

# Laporan Tahunan Dana Berkaitan Pelaburan

pada 30 November 2013



AIA PUBLIC  
TAKAFUL

Sebahagian daripada



THE REAL LIFE  
COMPANY



[aiapublic.com.my](http://aiapublic.com.my)



AIA PUBLIC  
TAKAFUL

**KANDUNGAN**

1	Mesej dari Ketua Pegawai Eksekutif
2 - 6	Tinjauan pasaran bagi tempoh kewangan berakhir 30 November 2013
7 - 9	Jadual Perbandingan Prestasi
10 - 12	Butir-butir Pelaburan
13	Kenyataan dari Pengurus
14 - 15	Laporan Juruaudit Bebas kepada Pemegang Sijil
16	Penyata Aset dan Liabiliti
17	Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan
18	Penyata Perubahan Nilai Bersih Aset
19 - 22	Nota kepada Maklumat Kewangan

**MESEJ DARI KETAU PEGAWAI EKSEKUTIF**

31 Mac 2014

Pemegang Sijil Yang Dihargai,

Assalamualaikum dan salam sejahtera

Dalam usaha kami yang berterusan demi memenuhi keperluan simpanan jangka panjang Pemegang Sijil, kami komited dalam membangunkan penyelesaian yang tepat bagi memenuhi keperluan kehidupan sebenar pelanggan-pelanggan kami. Ketika kami berterusan memberi tumpuan terhadap pengurusan berhemah ke atas pelaburan anda, sasaran kami ialah untuk memastikan anda mendapat maklumat yang jelas, terkini dan relevan bagi membantu anda membuat keputusan bermaklumat. Oleh itu saya dengan sukaritanya ingin membentangkan Laporan Tahunan Dana Berkaitan Pelaburan 2013.

Pada tahun lalu, bursa tempatan mengalami ketidaktentuan mendadak disebabkan kebimbangan terhadap pilihanraya pada awal 2013, kebimbangan terhadap dasar Pelonggaran Kuantitatif AS dan kemerosotan asas-asas beberapa ekonomi baru muncul yang utama. Walaupun begitu, ekuiti-ekuiti tempatan telah menyaksikan sekali lagi prestasi yang memecahkan rekod dengan indeks FBM Shariah ditutup tinggi pada 12,734.2 mata, menokok sebanyak 16.2 peratus berbanding pada tahun sebelumnya.

Kami dengan sukaritanya ingin memaklumkan bahawa Dana Takaful Ehsan Balance kami mencatat pulangan 12.83 peratus berbanding penanda aras 8.62 peratus. Sejak pelancaran pada Mei 2011, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan 6.69 peratus berbanding penanda aras 7.48 peratus.

Berikut dengan pembentukan AIA Malaysia yang baru pada 17 Jun 2013, kami dengan sukaritanya ingin mengumumkan satu lagi pencapaian penting bagi AIA di Malaysia. Berkuatkuasa 1 Mac 2014, perniagaan dan operasi Takaful AIA AFG Takaful Bhd. dan AIA PUBLIC Takaful Bhd. (*dahulunya dikenali sebagai ING PUBLIC Takaful Ehsan Berhad*) telah digabungkan di bawah satu lesen Takaful dan kini dikenali sebagai AIA PUBLIC.

Kami percaya dengan penyatuan di bawah satu lesen kedua-dua entiti Takaful ini akan memacu pertumbuhan perniagaan Takaful kami di Malaysia dan membantu kami untuk mencapai wawasan menjadi Operator Takaful #1 di Malaysia. Dengan penyatuan ini, kami kini mempunyai asas yang tepat untuk mengembangkan perniagaan kami dan kami akan terus memberi tumpuan untuk memperluaskan rangkaian pelbagai-pengedaran kami, di samping menawarkan penyelesaian Takaful Keluarga yang lebih inovatif.

Bagi pihak pengurusan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesetiaan dan sokongan anda yang berterusan. Kami melihat kehadapan untuk berkhidmat dengan lebih baik lagi ketika kami berusaha untuk memacu kecemerlangan dalam tahun 2014.

Yang benar,

Wan Azman Wan Mamat  
Ketua Pegawai Eksekutif



AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
(DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
(Diperbadankan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

## TINJAUAN PASARAN BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2013

### 1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan

#### Tinjauan Semula Pasaran

Tahun 2013 sekali lagi menyaksikan prestasi yang memecah rekod dengan Indeks FBM syariah ditutup tinggi pada 12,734.2 mata, menokok 16.2% berbanding tahun sebelumnya. Rekod penutupan ini dicapai selepas pertarungan sengit antara kuasa kenaikan dan penurunan semasa tahun tersebut.

Semasa tahun tersebut, bursa tempatan mengalami ketidaktentuan mendadak disebabkan keimbangan terhadap pilihanraya umum pada awal 2013 di samping kebimbangan terhadap dasar pelonggaran kuantitatif (QE) AS dan kemerosotan asas-asas beberapa ekonomi baru muncul yang utama. Walaupun begitu, FBM Syariah mencatatkan peningkat sebanyak 16.2% bagi tahun kewangan, terima kasih kepada sokongan kukuh institusi tempatan, minat yang padu dalam sektor minyak & gas, pengurangan dalam risiko politik, langkah proaktif kerajaan untuk mengatasi defisit belanjawan Malaysia, pemulihan ekonomi global dan penarafan semula konglomerat gergasi, Tenaga Nasional yang memperolehi purata kenaikan tarif 15%.

#### Pemacu Utama Pasaran:

##### *Positif*

- Keputusan Pilihanraya Umum ke 13 dan Pemilihan UMNO, yang menyaksikan tiada perubahan besar, memastikan polisi kekal sekurang-kurangnya sehingga 2017/2018.
- Kerajaan Malaysia melaksanakan komitmen yang tinggi untuk pembaharuan fiskal dalam Belanjawan 2014 yang dibentangkan di Parlimen pada 25 Oktober 2013. Ini termasuklah perlaksanaan 6% cukai jualan dan perkhidmatan (GST) mulai 1 April 2015 bagi meluaskan asas cukaianya dan pada masa yang sama memotong subsidi bagi mengurangkan perbelanjaan operasi dengan sasaran untuk mengurangkan lagi defisit fiskal kepada 3.5% dari KDNK dalam 2014. Rasionalisasi subsidi ini termasuklah menghapuskan subsidi gula; peningkatan harga petrol 20 sen dan purata 14.9% kenaikan tarif elektrik. .
- Di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), terdapat sejumlah 196 projek dengan komitmen pelaburan berjumlah RM219.3 bilion dalam 2011-2013.
- Petronas telah menganugerahkan sekitar RM40 bilion nilai kontrak, di mana RM10 bilion setiap satunya untuk pakej perkhidmatan hook-up, penugasan dan penyelenggaraan (HUC) dan pengangkutan dan pemasangan (T&I) kepada penyedia perkhidmatan minyak dan gas tempatan.

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
(DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
(Diperbadankan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

## TINJAUAN PASARAN BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

### 1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan (sambungan)

#### Pemacu Utama Pasaran: (sambungan)

- Penswastaan MBF Holdings, Tradewinds (M) Bhd, Tradewinds Plantations dan Padiberas Nasional.
- Moody meningkatkan prospek penarafan hutang luar Malaysia kepada "positif" dari "stabil".
- Pelonggaran kuantitatif besar-besaran oleh Bank of Japan disokong oleh perdana menteri yang baru, Shinzo Abe mencetuskan pemulihan ekonomi di Jepun. China mengelakkan pendaratan sukar ekonomi, Euro bergerak keluar dari kemelesetan sementara ekonomi AS mengumpul momentum.
- Penutupan sebahagian dari operasi kerajaan AS untuk 16 hari dari 1-16 Oktober telah diselesaikan dengan pantas dan mengelakkan sebarang kerosakan ketara kepada ekonomi AS.
- Tindakan ketenteraan AS di Syria telah dielakkan.
- Janet Yellen telah dicalonkan sebagai pengganti kepada Ben Bernanke sebagai pengurus Rizab Persekutuan AS. Beliau secara meluas dijangka akan meneruskan dasar kewangan longgar Bernanke.

#### *Negatif*

- Kebimbangan pilihanraya pada permulaan tahun sehingga awal Mac 2013.
- Purata harga MSM bagi 2013 ialah RM2,368 setan berbanding RM2,858 setan dalam 2012.
- Saham hartanah terjejas disebabkan langkah kerajaan Malaysia untuk mengekang spekulasi dengan peningkatan RP GT (30%) dan menghapuskan Skim Faedah Tertangguh Pemaju (DIBS).
- Fitch Rating Agency menurunkan prospek penarafan hutang luar Malaysia kepada negatif dari stabil pada 30 Julai 2013 dengan mengambil kira pembiayaan awam yang lemah dan kurangnya langkah untuk mengatasinya.
- Rizab Persekutuan AS memberi isyarat untuk mengurangkan pembelian aset bulanan daripada US\$85bilion pada Mei 2013 menyebabkan aliran keluar asing yang melemahkan matawang dan menyebabkan kenaikan kadar faedah di India dan Indonesia. Rizab Persekutuan akhirnya mengumumkan pengurangan sederhana USD10bilion sebagai sokongannya kepada USD75bilion menjelang akhir tahun.

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
(DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
(Diperbadankan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

## TINJAUAN PASARAN BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

### 1. Komen Pasaran Saham Tempatan (sambungan)

Pemacu Utama Pasaran: (sambungan)

- 6. Defisit berkembar yang dialami oleh pasaran serantau terutamanya Indonesia dan India di samping penyempitan lebihan akaun semasa Malaysia mencetuskan lagi aliran keluar asing.
- 7. Langkah-langkah oleh kerajaan China dalam 1H13 untuk mengekang harga hartanah di kawasan bandar menjelaskan sentimen pelabur.
- 8. Kebimbangan terhadap pendaratan sukar ekonomi China dengan mengambilkira ketidakseimbangan ekonominya dan polisi yang ketat.

#### Pandangan Masa Hadapan Pasaran

Bagi 2014, kami kekal berhati-hati tetapi optimistik tentang pasaran saham didokong oleh jangkaan pemulihan ekonomi di negara maju yang akan mendorong eksport di pasaran baru muncul seperti Malaysia. Kami menjangka pasaran akan mengalami ketidaktentuan sementara pulangan dari pasaran ekuiti diunjurkan pada satu digit dengan mengambilkira pertumbuhan ekonomi di bawah par di sebalik pemulihan, pertumbuhan di China yang perlahan, aliran keluar dana asing ketika QE tapering mengumpul momentum sementara krisis hutang Eropah masih belum pulih sepenuhnya.

Oleh kerana tapering QE hanya menanti masa, risiko pembalikan aliran modal jangka pendek dari pasaran baru muncul kepada pasaran maju mungkin berulang sepetimana yang disaksikan pada Julai hingga Ogos 2013, tetapi tidak berpanjangan oleh kerana pegangan asing di dalam pasaran ekuiti tempatan hanya sedikit di atas 22%, tidak jauh dari paras rendah 20% yang direkodkan semasa krisis Lehman.

Untuk masa depan pasaran tempatan pula, KLCI telah ditutup pada paras tertinggi dalam sejarah, pemotongan dalam perbelanjaan kerajaan, peningkatan kos sara hidup dan menjalankan perniagaan serta kemungkinan kenaikan kadar faedah adalah angin sakal kepada pasaran ekuiti untuk bergerak lebih tinggi dengan ketara.

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
(DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
(Diperbadankan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

## TINJAUAN PASARAN BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

### 1. Komen Pasaran Saham Tempatan (sambungan)

Pemangkin Jangka Panjang

- Defisit belanjawan fiskal dan lebihan dagangan yang bertambah baik, mengelakkan penurunan penarafan dan mencegah penurunan penarafan hutang luar dan kejatuhan mendadak Ringgit.
- Kepantasan dalam perlaksanaan Program Transformasi Ekonomi dan Usahasama Kerajaan-Swasta dijangka meningkatkan pertumbuhan KDNK, contohnya sambungan LRT, projek MRT, Keretapi BerkelaJuan Tinggi, penyimpanan minyak Pengerang dan pembangunan Iskandar.
- Kedua-dua Pilihanraya Umum dan Pemilihan UMNO kini telah berlalu dan Kerajaan boleh menumpukan perhatian dalam melaksanakan pembaharuan ekonomi dan meletakkan Malaysia di landasan pertumbuhan mapan.
- Program transformasi besar-besaran dalam sidang Pleno Ketiga China akan membawa China ke arah ekonomi yang lebih stabil dan kukuh.
- Strategi pertumbuhan 'Third Arrow' Abenomics dijangka akan membantu pertumbuhan mapan ekonomi Jepun.

#### Kebimbangan

- Risiko perlaksanaan terhadap program pembaharuan utama seperti perlaksanaan GST dan pemotongan subsidi jika tekanan politik semakin meningkat.
- Pertumbuhan ekonomi global di bawah par.
- Indeks FBM Syariah adalah pada tahap tertingginya dan menjadikan ia terdedah kepada pembetulan.
- Bank Negara mungkin meningkatkan kadar faedah jika pertumbuhan lebih baik dari jangkaan.
- Pemotongan subsidi dan perlaksanaan GST mungkin menjelaskan permintaan pengguna dan kos menjalankan perniagaan.
- Risiko kebuntuan fiskal di AS dalam 1Q14.
- Krisis hutang Euro masih belum pulih sepenuhnya.
- China mungkin mengalami ketidakpastian dasar dan pertumbuhan yang perlahan dalam jangka masa pendek ketika ia beralih kepada ekonomi baru sepetimana yang digariskan dalam sidang Pleno Ketiga baru-baru ini.

### 2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan

Keadaan ekonomi, peristiwa dan pasaran kewangan yang memberi kesan terhadap Dana:

- Pilihanraya
- Malaysia telah mengadakan pilihanraya umum pada Mei. Penjawat kini telah kembali berkuasa dan ini menghapuskan ketidakpastian politik yang telah menyelubungi prospek bagi pasaran Malaysia. Terbitan Pelaburan Kerajaan ("GII") menjelaki rali dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") yang menyaksikan keluk hasil GII mendatar dengan ketara.

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
(DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
(Diperbadankan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

#### TINJAUAN PASARAN BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

##### 2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan (sambungan)

###### - Tapering

Salah satu peristiwa penting dalam tahun ini ialah pengumuman oleh Rizab Persekutuan AS bahawa ia akan mengurangkan pembelian bon, yang dikenali sebagai ‘tapering’ menerusi program Pelonggaran Kuantitatifnya. Pasaran bertindak negatif apabila Pengerusi Fed membayangkan bahawa pengurangan pertama mungkin berlaku seawal September. GII jangka panjang mula meningkat naik dari paras terendah yang direkodkan selepas pilihanraya dan menyebabkan keluk GII semakin curam.

Seperti yang dijangka, keimbangan terhadap kecairan yang berkurangan menyebabkan pemilikan asing dalam sekuriti Kerajaan Malaysia jatuh dari 48% pada Mei kepada 41% pada Julai.

Walaupun begitu, ‘tapering’ tidak berlaku pada September seperti mana yang dijangkakan secara meluas kerana Fed memutuskan untuk menunggu lebih banyak bukti yang menunjukkan kemajuan ekonomi boleh dikekalkan. Ini membawa kepada rali pendek dalam bon, oleh kerana pemain pasaran menyedari bahawa permulaan tapering hanya bergantung kepada masa.

###### - Perubahan penarafan hutang luar dan belanjawan

Pada Julai, Fitch Ratings menurunkan prospek penarafan ke atas hutang luar Malaysia kepada negatif dari stabil kerana ia dikatakan ‘prospek bagi pembaharuan belanjawan dan penyatuhan fiskal bagi mengatasi kelemahan dalam pembiayaan awam semakin bertambah buruk’. Ini menambah kepada sentimen berhati-hati yang sedia wujud di dalam pasaran berikutan bayangan QE dan 10 tahun MGS meningkat sehingga 4.13%. Pegangan asing yang tinggi di dalam pasaran MGS menambah keimbangan terhadap aliran keluar.

Kebimbangan yang ditimbulkan oleh Fitch telah cuba ditangani di dalam belanjawan Kerajaan, di mana kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah penyatuhan fiskal seperti pengurangan subsidi dan memperkenalkan GST. Kerajaan berkata ia merancang untuk mengurangkan defisit fiskal kepada 3.5% dari KDNK dalam 2014 berbanding 4.0% dari KDNK dalam tahun 2013.

Berikutnya dengan itu, pada bulan November, Moody menukar prospek penarafan Malaysia kepada positif. Menurut agensi penarafan tersebut, perubahan disebabkan oleh prospek yang semakin baik bagi penyatuhan fiskal dan pembaharuan dan kestabilan makroekonomi yang berterusan. Walaubagaimanapun, ia gagal untuk meningkatkan harga MGS lebih tinggi kerana pemain pasaran terus menurun dan melihat kepada data luaran yang disiarkan sebagai panduan. Kebimbangan terhadap inflasi disebabkan oleh pengurangan subsidi juga menyebabkan kejatuhan.

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
(DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
(Diperbadankan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

#### JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI

##### AIA PUBLIC Takaful Ehsan Balanced Fund

Bagi tahun fiskal 2013, atas nilai bersih pulangan Dana 12.83% berbanding penanda aras 8.62%. Sejak pelancaran pada Mei 2100, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan 6.69% berbanding penanda aras 7.48%.

##### Prestasi hingga 30 November 2013

	1 Bulan Oct 13 - Nov 13	1 Tahun Nov 12 - Nov 13	5 Tahun Nov 08 - Nov 13	Sejak Pelancaran May 11 - Nov 13
APTB A-Takaful Ehsan Balanced Fund	0.44%	12.83%	n/a	6.69%
Indeks Wajaran*	-0.60%	8.62%	n/a	7.48%
Mengatasi/(Dibawah)-prestasi	1.04%	4.21%	-	-0.79%

\*50% Indeks FTSE Bursa Malaysia Shariah Emas + 50% Semua Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia

Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?

##### Positif

- Dana berwajaran tinggi di dalam saham bermodal kecil dan sederhana seperti Prestariang, Yinson, Syarikat Takaful Malaysia, Kossan dan Hua Yang.
- Penyertaan Dana dalam IPO seperti Matrix Concepts dan UMW Oil & Gas telah mengatasi prestasi.
- Kedudukan dana berwajaran tinggi dalam sektor kitaran seperti hartanah, minyak & gas, pembinaan dan teknologi telah mengatasi prestasi.
- Kedudukan Dana berwajaran rendah di dalam sektor telekomunikasi, pengguna dan perlادangan adalah di bawah prestasi.
- Kecenderungan Dana terhadap sukuk dijamin-kerajaan dan korporat berbanding GII menyumbang kepada pulangan disebabkan hasil yang lebih tinggi. Di samping itu, hasil sukuk korporat yang secara relatifnya lebih stabil berbanding dengan GII menghasilkan pulangan dengan ketidaktentuan yang berkurangan.

##### Negatif

- Penyertaan Dana dalam IPO seperti Airasia X adalah di bawah prestasi.
- Dana telah terkurang labur dengan pendedahan ekuiti sebanyak 65% sebelum pilihanraya dan terlepas rali selepas pilihanraya.
- Dana kekal berhati-hati ke atas kredit berkadar rendah, dan oleh kerana itu tidak boleh menikmati hasil yang lebih tinggi.

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
(DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
(Diperbadankan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

#### JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

Apakah strategi anda untuk masa hadapan?


Bagi ekuiti, dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi global serentak, kami lebih cenderung kepada stok pertumbuhan berbanding stok hasil dengan tumpuan terhadap syarikat dengan prospek pertumbuhan yang baik, margin keuntungan yang berpatutan, aliran tunai kukuh, kunci kira-kira dan penilaian yang bersesuaian. Kami juga memilih pengekspor didokong oleh pemuliharaan dalam eksport global dan dollar AS yang kukuh. Oleh yang demikian, kami memilih stok di dalam sektor kitaran seperti minyak & gas, stok harta tanah terpilih, pembinaan dan teknologi.

Bagi pendapatan tetap, kami fikir tahun mendatang akan memberi cabaran bagi pasaran pendapatan tetap, dengan peningkatan inflasi dan kecenderungan terhadap aset berisiko. Pertumbuhan ekonomi di pasaran maju mendapat tarikan dan sementara permintaan domestik mungkin terjejas disebabkan peningkatan kos sara hidup dan hutang isi rumah, pertumbuhan di luar negeri akan membantu pengekspor Malaysia. Infrastruktur besar-besaran dipacu kerajaan yang sedang berjalan juga akan membantu sepertimana yang kita saksikan dalam tahun 2013. Pertumbuhan ekonomi yang sihat adalah positif bagi mutu kredit dan seterusnya, pasaran sukuk korporat. Walaupun Rizab Persekutuan AS telah mengumumkan bahawa tapering akan bermula pada Januari 2014, pasaran telah mengambil langkah dan menyedari bahawa polisi kewangan kekal akomodatif.

Di tengah-tengah prospek keluk hasil curam, Dana akan melabur di dalam tempoh jangka pendek hingga sederhana serta sukuk korporat gred tinggi yang menawarkan nilai relatifnya baik bagi hasil yang lebih baik di samping meminimumkan risiko jangka masa.

Apakah perubahan, jika ada dalam objektif pelaburan Dana atau perwatakan risiko?

Kami akan terus memaksimumkan jumlah pulangan dengan keselamatan modal yang munasabah dan bersesuaian untuk peserta-peserta yang sanggup mengambil risiko sederhana demi mencapai pulangan yang munasabah.



Pembinaan & Kejuruteraan	4%
Produk Pengguna	2%
Perkhidmatan Kewangan	3%
Kerajaan	27%
Infrastruktur & Utiliti	15%
Perlادangan dan Pertanian	5%
Produk Perindustrian	5%
Perdagangan / Perkhidmatan	26%
Tunai dan lain-lain	9%
Harta tanah	4%

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
(DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
(Diperbadankan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

#### JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMBUNGAN)

Pecahan sektor pada 30 November/ 31 December:

Kategori/Sektor	30 Nov 2013	31 Dis 2012	31 Dis 2011
Pembinaan & Kejuruteraan	4%	0%	0%
Produk Pengguna	2%	0%	0%
Perkhidmatan Kewangan	3%	0%	0%
Kerajaan	27%	0%	0%
Infrastruktur & Utiliti	15%	0%	0%
Perlادangan dan Pertanian	5%	0%	0%
Produk Perindustrian	5%	0%	0%
Perdagangan/Perkhidmatan	26%	0%	0%
Tunai dan Lain-lain	9%	0%	0%
Harta tanah	4%	0%	0%
Unit-unit Amanah Diluluskan Shariah	0%	100%	100%
<b>JUMLAH</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")

	30 Nov 2013	31 Dis 2012	30 Dis 2011
Jumlah NAV (RM)	6,360,646	6,909,242	62,739
Bilangan Unit-unit	5,437,100	6,541,022	60,823
NAV/unit (RM)	1.170	1.056	1.032
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	1.215	1.060	1.012
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	1.028	1.009	0.932

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
(DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
(Diperbadankan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

## BUTIR-BUTIR PELABURAN

Takaful Ehsan Balance Fund

SAHAM DISEBUTHARGA DILULUSKAN SHARIAH

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Aset Bersih
<b>PEMBINAAN &amp; KEJURUTERAAN</b>				
19,800	IJM CORPORATION BHD	106,890	115,830	1.82%
22,200	GAMUDA BHD	91,975	105,672	1.66%
24,200	EVERSENDAI CORPORATION BERHAD	30,892	28,798	0.45%
<b>PRODUK PENGGUNA</b>				
2,500	UMW HOLDINGS BHD	35,217	31,100	0.49%
10,000	ORIENTAL HOLDINGS BHD	86,378	86,100	1.35%
<b>PERKHIDMATAN KEWANGAN</b>				
6,900	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BHD	43,818	72,588	1.14%
22,960	BIMB HOLDINGS BHD	82,372	103,090	1.62%
<b>INFRASTRUKTUR &amp; UTILITI</b>				
25,800	TIME DOTCOM BHD	99,452	100,620	1.58%
13,800	GLOBETRONICS TECHNOLOGY BHD	29,386	43,470	0.68%
45,000	GHL SYSTEMS BHD	24,977	35,325	0.56%
24,000	DIGI.COM BHD	106,202	116,880	1.84%
<b>PRODUK PERINDUSTRIAN</b>				
5,600	TOP GLOVE CORPORATION BHD	30,276	32,032	0.50%
29,300	TOMYPAK HOLDINGS BHD	38,244	41,313	0.65%
18,600	SUPERMAX CORPORATION BHD	37,876	49,848	0.78%
1,800	PETRONAS GAS BHD	34,366	42,948	0.68%
16,400	PETRONAS CHEMICALS GROUP BHD	103,548	110,700	1.74%
22,000	KOSSAN RUBBER INDUSTRIES BHD	37,984	82,280	1.29%
<b>PERLADANGAN &amp; PERTANIAN</b>				
56,400	TDM BHD	31,697	54,990	0.86%
20,600	KULIM (M) BHD	78,559	75,808	1.19%
2,800	KUALA LUMPUR KEPONG BHD	61,314	68,880	1.08%
20,200	IOI CORPORATION BHD	101,384	113,928	1.79%

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
(FORMERLY KNOWN AS ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
(Incorporated in Malaysia)  
INVESTMENT-LINKED FUND

BUTIR-BUTIR PELABURAN (SAMBUNGAN)  
Takaful Ehsan Balance Fund (Sambungan)  
SAHAM DISEBUTHARGA DILULUSKAN SHARIAH (SAMBUNGAN)

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Aset Bersih
<b>HARTANAH</b>				
11,400	YNH PROPERTY BHD	22,653	19,950	0.31%
21,200	UOA DEVELOPMENT BERHAD	38,590	42,188	0.66%
21,000	UEM SUNRISE BERHAD	67,962	48,300	0.76%
14,666	SUNWAY BERHAD	42,670	38,865	0.61%
17,000	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	39,253	54,740	0.86%
40,133	HUA YANG BHD	50,264	85,483	1.34%
<b>PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN</b>				
32,900	YTL CORPORATION BHD	59,445	53,298	0.84%
13,800	YINSON HOLDINGS BHD	40,619	80,868	1.27%
33,000	WESTPORTS HOLDINGS BERHAD	83,325	83,820	1.32%
12,000	UMW OIL & GAS CORPORATION BHD	35,916	40,800	0.64%
27,600	TENAGA NASIONAL BHD	193,904	272,136	4.28%
17,200	TELEKOM MALAYSIA BHD	97,698	88,408	1.39%
16,900	SIME DARBY BHD	160,639	163,085	2.56%
34,100	SAPURAKENCANA PETROLEUM BHD	109,834	146,289	2.30%
29,400	PRESTARIANG BERHAD	35,710	76,440	1.20%
12,200	POS MALAYSIA BHD	42,607	73,200	1.15%
39,700	PERISAI PETROLEUM TEKNOLOGI	42,829	57,962	0.91%
16,200	MISC BHD	72,837	88,938	1.40%
30,100	MEDIA CHINESE INTERNATIONAL LT	34,847	29,950	0.47%
17,000	MBM RESOURCES BHD	63,227	61,030	0.96%
5,000	MAXIS BERHAD	32,816	35,150	0.55%
10,100	GAS MALAYSIA BERHAD	26,930	39,087	0.61%
19,800	DIALOG GROUP BHD	51,242	59,004	0.93%
3,000	BERJAYA AUTO BERHAD	2,100	4,560	0.07%
34,100	AXIATA GROUP BERHAD	228,086	229,152	3.60%
46,000	AIRASIA X BERHAD	58,075	47,840	0.75%
986,359		3,026,885	3,532,743	

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
 (DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
 (Diperbadankan di Malaysia)  
 DANA BERKAITAN PELABURAN

#### BUTIR-BUTIR PELABURAN (SAMBUNGAN)

Takaful Ehsan Balance Fund (Sambungan)

#### SAHAM DISEBUTHARGA DILULUSKAN SHARIAH (SAMBUNGAN)

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Aset Bersih
<b>SUKUK KORPORAT TIDAK DISEBUTHARGA</b>				
700,000	PENGURUSAN AIR SELANGOR BERHAD	734,860	709,870	11.16%
1,500,000	KHAZANAH NASIONAL BERHAD	1,275,000	1,302,750	20.48%
480,000	CAGAMAS BERHAD	480,000	479,808	7.54%
2,680,000		2,489,860	2,492,428	
<b>PASARAN KEWANGAN ISLAM</b>				
550,000	HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD	550,000	550,000	8.65%
550,000		550,000	550,000	

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
 (DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
 (Diperbadankan di Malaysia)  
 DANA BERKAITAN PELABURAN

#### Kenyataan oleh Pengurus

Kami, Dato' Haji Abdul Aziz Dato' Dr Omar dan Mohd Daruis bin Zainuddin, dua orang Pengarah AIA PUBLIC Takaful Bhd. (dahulunya dikenali sebagai ING PUBLIC Takaful Ehsan Berhad) ("Pengurus") menyatakan bahawa, pada pendapat Pengurus, maklumat kewangan yang dibentangkan pada muka surat 16 hingga 22 telah disediakan menurut dasar perakaunan yang ditetapkan di dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Insurans Berkaitan Pelaburan/Perniagaan Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM")

#### Bagi pihak Pengurus

Dato' Haji Abdul Aziz Dato' Dr Omar  
 Pengarah

Kuala Lumpur  
 19 Februari 2014

Mohd Daruis bin Zainuddin  
 Pengarah

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
 (DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
 (Diperbadankan di Malaysia)  
 DANA BERKAITAN PELABURAN

#### **Laporan Juruaudit Bebas kepada Pemegang Sijil:**

**Takaful Ehsan Balanced Fund**  
 (selepas ini dirujuk sebagai "Dana")

#### **Laporan ke atas Maklumat Kewangan**

Kami telah mengaudit maklumat kewangan Dana, yang mengandungi pernyata-pernyataan aset dan liabiliti sepetimana pada 30 November 2013, pernyataan pendapatan dan perbelanjaan dan perubahan nilai bersih aset Dana bagi tahun kewangan berakhir, dan ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota penjelasan lain, seperti yang dibentangkan di muka surat 16 hingga 22.

#### **Tanggungjawab Pengurus bagi Maklumat Kewangan**

Pengarah-pengarah AIA PUBLIC Takaful Bhd. (dahulunya dikenali sebagai ING PUBLIC Takaful Ehsan Berhad), sebagai Pengurus Dana, adalah bertanggungjawab dalam menyediakan maklumat kewangan ini menurut dasar perakaunan yang ditetapkan di dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan ke atas Insurans Berkaitan Pelaburan/Perniagaan Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") dan bagi kawalan dalam yang ditentukan Pengurus sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan maklumat kewangan yang bebas dari salah nyata ketara samada kerana penipuan atau kesilapan.

#### **Tanggungjawab Juruaudit**

Tanggungjawab kami ialah untuk memberikan pandangan terhadap penyediaan maklumat kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian ini memerlukan kami untuk mematuhi keperluan etika dan merancang dan melaksanakan audit bagi mendapatkan jaminan sewajarnya bahawa maklumat kewangan adalah bebas daripada salah nyata ketara.

Audit membabitkan perlaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam maklumat kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko terhadap salah nyata ketara dalam maklumat kewangan, samada kerana penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko ini, kami menganggap kawalan dalam sebagai berkaitan dengan penyediaan maklumat dan pembentangan sewajarnya terhadap maklumat kewangan Dana untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian mengikut keadaan, tetapi bukan untuk tujuan memberikan pandangan tentang keberkesanan kawalan dalam Dana. Audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan yang dibuat oleh Pengurus, dan juga menilai keseluruhan pembentangan maklumat kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk menjadi asas bagi pandangan audit kami.

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
 (DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
 (Diperbadankan di Malaysia)  
 DANA BERKAITAN PELABURAN

#### **Laporan Juruaudit Bebas kepada Pemegang Sijil:**

**Takaful Ehsan Balanced Fund**  
 (selepas ini dirujuk sebagai "Dana") (sambungan)

#### **Pandangan**

Pada pandangan kami, maklumat kewangan ini telah disediakan dengan sewajarnya menurut dasar perakaunan yang ditetapkan di dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan bagi Insurans Berkaitan Pelaburan/Perniagaan Takaful yang dikeluarkan oleh BNM.

#### **Perkara lain**

Laporan ini dibuat semata-mata kepada pemegang sijil Dana, sebagai suatu badan menurut Garis Panduan bagi Insurans Berkaitan Pelaburan/Perniagaan Takaful yang dikeluarkan oleh BNM, dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS  
 (No. AF:1146)  
 Akauntan Berkanun

Kuala Lumpur, Malaysia  
 19 Februari 2014

JAYARAJAN A/L U.RATHINASAMY  
 (No. 2059/06/14(J))  
 Akauntan Berkanun

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
(DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
(Diperbadankan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

PENYATA ASET DAN LIABILITI PADA 30 NOVEMBER 2013

	Nota	<b>Takaful Ehsan Balanced Fund</b>	
		<b>30.11.2013</b>	<b>31.12.2012</b>
		<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>ASET-ASET</b>			
Pelaburan	4		
- Ekuiti diluluskan Shariah disebutharga		3,532,743	-
- Sukuk korporat tidak disebutharga		2,492,428	-
- Dana unit amanah diluluskan Shariah		-	6,302,800
- Pasaran kewangan Islam		550,000	-
Pendapatan pelaburan belum diterima dan terakru		11,104	-
Lain-lain terimaan		4,627	425,088
Wang tunai dan baki di bank		36,204	191,941
<b>JUMLAH ASET</b>		<u>6,627,106</u>	<u>6,919,829</u>
<b>LIABILITI</b>			
Liabiliti cukai semasa		33,233	-
Liabiliti cukai tertangguh		38,005	10,589
Lain-lain bayaran		195,222	-
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<u>266,460</u>	<u>10,589</u>
<b>NILAI BERSIH ASET DIANGGAP</b>			
<b>MILIK PEMEGANG SIJIL</b>			
<b>DIWAKILI OLEH:</b>			
Nilai unit		5,701,966	6,786,720
Pendapatan tidak diagihkan dibawa kehadapan		658,680	122,520
Unit-unit dalam edaran		6,360,646	6,909,240
Nilai bersih aset dianggap milik pemegang sijil setiap unit		5,437,100	6,541,022
		1.170	1.056

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
(DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
(Diperbadankan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN  
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2013

	<b>Takaful Ehsan Balanced Fund</b>	<b>01.01.2013</b>	<b>01.01.2012</b>
		sehingga	sehingga
		<b>30.11.2013</b>	<b>31.12.2012</b>
		<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>Pendapatan pelaburan</b>			
- Pendapatan keuntungan dari deposit dengan Institusi kewangan Islamik		17,041	-
- Pendapatan keuntungan tidak disebutharga dari Sukuk korporat		63,354	-
- Pendapatan dividen		91,517	-
Keuntungan belum direalisasi atas pelaburan kewangan		342,577	130,933
Keuntungan ke atas perlupusan pelaburan kewangan		290,040	532
Lain-lain pendapatan		-	248
<b>Jumlah pendapatan</b>		<u>804,529</u>	<u>131,713</u>
Yuran pengurusan pelaburan		(106,206)	-
Lain-lain perbelanjaan		(101,514)	-
<b>Jumlah perbelanjaan</b>		<u>(207,720)</u>	<u>-</u>
<b>Lebihan pendapatan di atas perbelanjaan sebelum cukai</b>			
Percukaian		596,809	131,713
		(60,649)	(10,474)
<b>Lebihan pendapatan di atas perbelanjaan selepas cukai</b>			
		536,160	121,239
<b>Pendapatan tidak diedarkan dibawa kehadapan</b>			
		122,520	1,281
<b>Pendapatan tidak diedarkan dibawa kehadapan</b>		<u>658,680</u>	<u>122,520</u>

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
(DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
(Diperbadankan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI BERSIH ASET  
DIANGGAP MILIK PEMEGANG SIJIL  
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR PADA 30 NOVEMBER 2013

Nilai bersih aset dianggap milik pemegang sijil pada permulaan tahun kewangan

Jumlah diterima dari pemegang sijil bagi pembentukan unit-unit

Jumlah yang dibayar kepada pemegang sijil bagi pembatalan unit

Lebihan perbelanjaan ke atas perbelanjaan :

- Keuntungan bersih belum direalisasi selepas cukai
- Lain-lain keuntungan/(kerugian) selepas cukai

**Nilai bersih aset dianggap milik pemegang sijil pada akhir tahun/tempoh kewangan**

<b>Takaful Ehsan Balanced Fund</b>	
<b>01.01.2013</b>	<b>01.01.2012</b>
<b>sehingga</b>	<b>sehingga</b>
<b>30.11.2013</b>	<b>31.12.2012</b>
<b>RM</b>	<b>RM</b>
6,909,240	62,739
1,691,219	7,376,757
(2,775,973)	(651,495)
<b>5,824,486</b>	<b>6,788,001</b>
315,161	120,459
220,999	780
<b>6,360,646</b>	<b>6,909,240</b>

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
(DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
(Diperbadankan di Malaysia)  
DANA BERKAITAN PELABURAN

NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN - 30 NOVEMBER 2013

#### 1. PENGURUS DAN AKTIVITI UTAMA

Dana berkaitan pelaburan AIA PUBLIC Takaful Bhd. (dahulunya dikenali sebagai ING PUBLIC Takaful Ehsan Berhad) mengandungi Takaful Ehsan Balance Fund ("Dana") dan telah dilancarkan pada 19 Mei 2011.

T Dana Takaful Ehsan Balanced Fund mensasarkan untuk memaksimumkan jumlah pulangan dengan keselamatan modal yang munasabah dan bersesuaian bagi pemunya sijil yang sanggup mengambil risiko sederhana demi mencapai pulangan yang munasabah.

Pengurus Dana ialah AIA PUBLIC Takaful Bhd. (dahulunya dikenali sebagai ING PUBLIC Takaful Ehsan Berhad), syarikat yang ditubuhkan di Malaysia, terlibat terutamanya dalam menjalankan jamin perniagaan Takaful Keluarga dan perniagaan berkaitan pelaburan.

Aktiviti Dana dilaksanakan menurut keperluan prinsip-prinsip Shariah yang ketat dan akan dipantau oleh Jawatankuasa Shariah Pengurus Dana.

Tahun kewangan Dana telah ditukar dari 31 Disember kepada 30 November.

#### 2. ASAS PENYEDIAAN

Maklumat kewangan telah disediakan menurut dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan ke atas Insurans Berkaitan Pelaburan/Perniagaan Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM")

Maklumat kewangan telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah kecuali yang dinyatakan di dalam dasar perakaunan penting di dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan.

#### 3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam berurusan dengan perkara-perkara yang dianggap penting berhubung dengan maklumat kewangan.

(a) Aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi ("FVTPL")

Dana menetapkan pelaburan Dananya sebagai aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi ("FVTPL") pada permulaan di mana ia akan diuruskan dan dinilai berdasarkan nilai saksama, menurut strategi pelaburan dan mandat masing-masing.

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
 (DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
 (Diperbadankan di Malaysia)  
 DANA BERKAITAN PELABURAN

### 3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (a) Aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung dan rugi ("FVTPL") (sambungan)

Aset kewangan pada FVTPL pada awalnya direkodkan pada nilai saksama. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan pada FVTPL diukur semula pada nilai saksama. Penyelarasan nilai saksama dan keuntungan direalisasi dan kerugian yang tidak diiktiraf telah diiktiraf semula di dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan.

#### (b) Nilai saksama aset kewangan

Nilai saksama Sukuk Korporat tidak disebutharga dan penempatan dalam pasaran kewangan Islam berdasarkan petunjuk harga nilai saksama/indeks yang merujuk kepada sebutharga yang disediakan oleh institusi kewangan dan broker.

Nilai saksama sekuriti disebutharga berdasarkan kepada harga pasaran semasa. Jika pasaran bagi aset kewangan tidak aktif, Dana mewujudkan nilai saksama menggunakan teknik penilaian. Ini termasuklah menggunakan transaksi terbaru menjauhi atau "arm's length", merujuk kepada lain-lain instrumen yang sebahagian besarnya adalah sama, analisis aliran tunai terdiskaun dan model harga opsyen.

Tunai dan setara tunai dengan institusi kewangan berlesen dinyatakan pada anggaran jumlah yang dibawa sepertimana pada tarikh Penyata Aset dan Liabiliti.

#### (c) Tunai dan Setara Tunai

Tunai dan setara tunai mengandungi tunai di tangan, deposit dengan institusi kewangan dengan tempoh matang asal tiga bulan atau kurang. Ia tidak termasuk deposit yang dipegang untuk tujuan pelaburan.

#### (d) Liabiliti Kewangan

Semua liabiliti kewangan pada awalnya direkodkan pada nilai saksama. Bagi pengiktirafan awal seterusnya, liabiliti kewangan dibawa pada kos perlunasan menggunakan kaedah kadar faedah berkuatkuasa.

#### (e) Yuran Pengurusan

Yuran pengurusan dikira secara harian berdasarkan nilai bersih aset Dana.

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
 (DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
 (Diperbadankan di Malaysia)  
 DANA BERKAITAN PELABURAN

### 3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (f) Pembentukan unit-unit bersih

Pembentukan unit-unit bersih mewakili sumbangan Takaful yang dibayar oleh pemegang sijil sebagai bayaran bagi kontrak baru atau bayaran seterusnya bagi meningkatkan kontrak ditolak pertukaran antara Dana. Penciptaan unit-unit bersih diiktiraf atas dasar penerimaan

#### (g) Pembatalan unit-unit bersih

Pembatalan unit-unit bersih mewakili pembatalan unit-unit yang timbul dari serahan dan pengeluaran oleh pemegang sijil. Pembatalan unit-unit bersih diiktiraf apabila serahan kontrak Takaful yang berkaitan.

#### (h) Percukaian

Cukai pendapatan ke atas Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun kewangan mengandungi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa adalah jumlah jangkaan cukai pendapatan yang perlu dibayar bagi keuntungan boleh cukai untuk tahun kewangan dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah digubal pada tarikh Penyata Aset dan Liabiliti.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara pada tarikh Penyata Aset dan Liabiliti di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa dalam penyata kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai akan tersedia di mana perbezaan sementara boleh ditolak boleh digunakan.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh Penyata Aset dan Liabiliti. Cukai tertunda diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan.

AIA PUBLIC TAKAFUL BHD.  
 (DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI ING PUBLIC TAKAFUL EHSAN BERHAD)  
 (Diperbadankan di Malaysia)  
 DANA BERKAITAN PELABURAN

### 3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (i) Pendapatan Diiktiraf

Pendapatan dividen dari instrumen ekuiti ditetapkan pada FVTPL diiktiraf sebagai pendapatan pelaburan di dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, umumnya apabila sekuriti menjadi tanpa-dividen atau hak untuk menerima pembayaran diwujudkan.

Keuntungan pendapatan diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan menggunakan kaedah keuntungan berkuatkuasa.

### 4. PELABURAN

Butir-butir Pelaburan Dana dinyatakan di mukasurat 10 hingga 12 laporan prestasi dana.

### 5. JADUAL PRESTASI

Butir-butir jadual perbandingan prestasi Dana dinyatakan di mukasurat 7 dan 9 laporan prestasi dana.

### Mengenai AIA PUBLIC Takaful Bhd.

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (*dahulunya dikenali sebagai ING PUBLIC Takaful Ehsan Berhad*) (“AIA PUBLIC”) dimiliki bersama oleh AIA Co. Ltd. (AIA), Public Bank Berhad (PBB) dan Public Islamic Bank Berhad (anak syarikat milik penuh PBB). Ditubuhkan pada 11 Mac 2011, AIA PUBLIC menggunakan kekuatan dan kedudukan peneraju AIA dan PBB di samping infrastruktur dan rangkaian pengedar yang mantap dalam industri insurans dan perbankan bagi memacu pertumbuhan dan meningkatkan penembusan Takaful Keluarga di dalam pasaran domestik.

AIA PUBLIC komited untuk menawarkan penyelesaian yang mematuhi Shariah bagi memenuhi keperluan yang berbeza di setiap peringkat kehidupan pelanggan-pelanggan AIA.



### Hubungi kami untuk maklumat lanjut

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (935955-M)  
*(dahulunya dikenali sebagai ING PUBLIC Takaful Ehsan Berhad)*  
 99 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur  
 Carline : 1 300 88 8922  
 F : 03- 2056 3690  
 E : my.customer@aiapublic.com.my  
 AIA PUBLIC.COM.MY

AIA PUBLIC Takaful Bhd dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.